

HLB@SCHOOL

classroom
adventures...
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

SEPTEMBER 2024
EDISI 7



MATLAMAT KEWANGAN

MENGAPA IA DIPERLUKAN DAN BAGAIMANA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG BETUL?

MENETAPKAN MATLAMAT KEWANGAN ADALAH SEPERTI MEMBUAT PETA HARTA KARUN UNTUK MASA DEPAN ANDA. IA MEMBANTU ANDA MERANCANG KEJAYAAN KEWANGAN DAN MENCAPAI IMPIAN. SAMA ADA ANDA MENABUNG UNTUK GAJET BAHARU ATAU PENGAJIAN TINGGI, MATLAMAT YANG JELAS BOLEH MEMBANTU ANDA MENGURUSKAN WANG DENGAN LEBIH BAIK.

CARA-CARA MENETAPKAN MATLAMAT KEWANGAN

MATLAMAT JANGKA PENDEK

Ini adalah matlamat yang anda ingin capai dalam masa yang singkat, seperti membeli kredit permainan video atau barangan K-Pop yang anda suka.

Contoh:

"Saya ingin menabung RM50 untuk membeli kredit permainan video dalam masa 3 bulan. Jika anda dapat wang saku sebanyak RM10 setiap minggu, anda boleh menabung RM4.20 setiap minggu selama 3 bulan untuk mencapai matlamat anda untuk mendapatkan RM50".

MATLAMAT JANGKA PANJANG

Ini adalah matlamat yang mengambil lebih banyak masa untuk dicapai, seperti menabung untuk ke kolej atau membeli kereta apabila anda sudah menjadi dewasa.

Contoh:

"Saya ingin menabung sebanyak RM5,000 untuk perbelanjaan kolej dalam masa 3 tahun. Jika anda mula menabung RM50 setiap bulan sejak berumur 12 tahun, anda akan dapat mengumpul sebanyak RM1,800 apabila anda mencapai umur 15 tahun. Dengan sedikit usaha tambahan, anda boleh mencapai matlamat untuk menabung sebanyak RM5,000 dalam masa 3 tahun."

TAHUKAH ANDA?

ANDA BOLEH GUNAKAN APLIKASI HLB POCKET CONNECT UNTUK MEMBUAT SATU SENARAI HAJAT BAGI SEMUA BARANGAN YANG ANDA INGINKAN. SELEPAS ITU, ANDA BOLEHLAH MENJEJAKI PERKEMBANGAN SETIAP KALI ANDA MENABUNG UNTUK BARANGAN DALAM SENARAI HAJAT TERSEBUT.

MENETAPKAN MATLAMAT KEWANGAN ADALAH CARA TERBAIK UNTUK MENGAWAL WANG ANDA DAN MENCAPAI IMPIAN ANDA. MULAKAN DENGAN PERKARA-PERKARA KECIL, KEKAL FOKUS, RAIKAN KEJAYAAN ANDA DAN LIHAT SIMPANAN ANDA BERTAMBAH SEDIKIT DEMI SEDIKIT.

KENAPA KITA PERLU MENETAPKAN MATLAMAT KEWANGAN?

Fokus: Menetapkan matlamat membantu anda kekal fokus terhadap apa yang anda ingin capai. Ia memberi anda tujuan yang jelas dan membuat anda kekal bermotivasi.

Perancangan: Matlamat kewangan membantu anda dalam membuat perancangan untuk mencapainya. Ia membuat anda berfikir tentang berapa banyak wang yang anda perlukan, berapa lama anda perlu menyimpan, dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat anda.

Pencapaian: Apabila anda mencapai matlamat anda, perasaan bangga itu amatlah berharga! Ia menunjukkan bahawa anda boleh mencapai apa sahaja yang anda impikan.

GUNAKAN HUKUM "SMART" UNTUK MENETAPKAN MATLAMAT KEWANGAN ANDA

"SMART" merujuk kepada **Specific (Khusus)**, **Measurable (Boleh Diukur)**, **Achievable (Boleh Dicapai)**, **Relevant (Sesuai)** dan **Time-bound (Mempunyai Jangka Masa)**. Ini satu cara yang baik untuk memastikan matlamat anda jelas dan boleh dicapai.

Khusus: Anda harus jelas tentang apa yang ingin dicapai. Daripada mengatakan "Saya ingin menabung" lebih baik katakan, "Saya ingin menabung sebanyak RM100 untuk membeli permainan video yang baru".

Boleh Diukur: Pastikan perkembangan anda dijejaki. Tetapkan satu jumlah tertentu untuk menabung dan pantau jumlah yang telah anda kumpul. Sekiranya matlamat anda adalah untuk menabung RM100, setiap kali anda menambah wang, tandakan penjejak kewangan anda dengan pelekat.

Boleh dicapai: Tetapkan matlamat yang boleh dicapai. Jangan letak sasaran yang terlalu tinggi atau terlalu rendah. Jika anda boleh menabung RM10 seminggu, buat sasaran untuk menabung RM40 sebulan. Contohnya, jika anda mendapat wang saku RM20 setiap minggu, menabung RM10 seminggu adalah sesuatu yang boleh dicapai. Tetapi menabung RM15 seminggu mungkin terlalu banyak.

Sesuai: Matlamat yang anda ingin mencapai haruslah penting untuk anda. Pilih matlamat yang boleh memberi kesan dalam hidup anda. Ia juga haruslah sesuatu yang anda minat. Fikirkan tentang apa yang paling anda sayangi.

Mempunyai Jangka Masa: Tetapkan satu tarikh akhir bagi matlamat anda. Ini akan membantu anda kekal fokus dan bermotivasi. Jika anda ingin menabung RM100, anda bolehlah tetapkan 2 bulan sebagai tarikh akhir untuk mencapai matlamat anda.